

Memperkukuh ekonomi Malaysia-Korea Selatan

Mustapa ketua misi perdagangan ke Seoul, Busan selama enam hari

Sinar 23/7/12 MS11

KUALA LUMPUR - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Dato' Seri Mustapa Mohamed mengetuai misi perdagangan dan pelaburan selama enam hari ke Seoul dan Busan pada 17 Julai lalu sempena hubungan diplomatik dua hala yang ke-50 antara Malaysia dengan Korea Selatan.

Misi berkenaan, selain daripada mengukuhkan hubungan ekonomi antara Malaysia dan Korea Selatan, ia juga akan meningkatkan pelaburan dua hala dengan mengemaskinkan pelabur di Korea dan Busan mengenai prospek dan peluang pelaburan di Malaysia dan pelaksanaan Model Baru Ekonomi.

Ahli-ahli delegasi turut melawat beberapa kilang perusahaan Korea, pusat penyelidikan dan pembangunan, mengadakan pertemuan dengan pelabur dan persatuan Korea, mengendalikan seminar perniagaan berhubung peluang-peluang pelaburan di Malaysia, mengadakan mesyuarat meja bulat dengan pemimpin industri Korea Selatan dan mengadakan pertemuan perniagaan.

Hubungan diplomatik antara Malaysia dan Korea Selatan bermula pada 23 Februari 1960.

Sejak lima dekad lepas, ia telah menyaksikan perkembangan perdagangan dua hala, pelaburan, budaya sosio dan hubungan pendidikan.

Korea Selatan terus menjadi antara sumber utama pelaburan asing langsung Malaysia sejak 1980.

Setakat ini, sejumlah 287 projek telah dilaksanakan dengan pelaburan RM7.7 bilion. Antara Januari dan April 2010, dua projek, melibatkan pe-



Mustapa (kiri) ketika memberi ucapan di Seminar Perniagaan Malaysia-Korea Selatan di Hotel Lotte, Seoul, baru-baru ini.



laburan RM6.7 juta telah diluluskan.

Projek-projek Korea Selatan di Malaysia tertumpu kepada produk-produk elektrik dan elektronik, produk mineral bukan metalik, produk logam asas, produk logam fabrikasi dan kimia dan produk kimia.

Sementara itu Mustapa berkata, pelaburan syarikat Korea Selatan di Malaysia dijangka terus mencatatkan pertumbuhan positif pada masa depan susulan meningkatnya hubungan dua hala antara kedua-dua negara, khususnya dalam perdagangan dan pelaburan.

Sebelum ini, katanya, Korea Selatan adalah pelabur asing ketujuh terbesar di Malaysia namun tahun lalu muncul kedua terbesar dengan pelaburan diluluskan berjumlah AS\$1.6 bilion (kira-kira RM5 bilion).

"Pelaburan tahun lalu itu adalah 2,400 peratus lebih tinggi berbanding pada 2010 da ia terutama membabitkan

sektor elektronik dan elektrik (E&E), peralatan pengangkutan, produk asas keluli dan produk keluli," katanya.

Beliau berkata, perkembangan positif itu antara lain disumbangkan beberapa siri lawatan pemimpin tertinggi negara ke republik itu dalam tempoh tiga tahun lalu.

Katanya, ini termasuk lawatan Yang di-Pertuan Agong; Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan menteri Kabinet, selain beberapa misi perdagangan dan pelaburan.

"Lawatan pemimpin tertinggi kita itu kemudian disusuli pula lawatan pemimpin Korea Selatan ke Malaysia yang turut disertai ahli perniagaan, sekali gus membolehkan mereka meninjau peluang pelaburan di Malaysia.

"Aliran pertumbuhan positif itu juga disumbangkan iklim pelaburan kondusif di Malaysia, termasuk kestabilan politik dan ekonomi serta kemudahan

prasarana untuk masyarakat pelabur," katanya.

Selain menyampaikan ucapan pada Seminar Peluang Pelaburan di Malaysia anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), beliau turut memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Perindustrian antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan Kementerian Ekonomi Korea.

Mustapa turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Asia Cement, Ko Kyu-Hwan; Presiden dan Ketua Eksekutif (CEO) ELPION, Kim In-Wong; Pengerusi Kumpulan Lotte, Shin Dong-Bin dan CEO Honam Petrochemical, Huh Soo-Young.

Mengulas mengenai seminar itu, Mustapa berkata, kira-kira 250 ahli perniagaan Korea Selatan yang mewakili pelbagai sektor menyertainya dan ramai bertanyakan soalan mengenai peluang perniagaan yang ada di Malaysia.